

11/05/1998

PM hargai sumbangan Universiti Al-Azhar

KAHERAH, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan penghargaannya terhadap Universiti Al-Azhar kerana mendidik dan menjaga kebajikan penuntut Malaysia di universiti itu.

Perdana Menteri berkata, ilmu yang diajar kepada rakyat Malaysia di universiti itu amat penting untuk kemajuan umat Islam di Malaysia.

Katanya, ilmu adalah senjata penting untuk mempertahankan Islam. Di Malaysia usaha meningkatkan ilmu adalah fardu kifayah.

"Untuk mempertahankan Islam, kita tidak boleh lagi bergantung kepada pedang. Kita memerlukan pengetahuan sains dan teknologi," katanya sewaktu mengadakan pertemuan dengan Sheikh Besar Al Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi di sini, di Khan Khalili di sini, hari ini.

Dr Sayed Tantawi adalah simbol perpaduan rakyat Mesir dan kedudukannya setaraf dengan seorang Perdana Menteri. Beliau menjadi tempat rujukan berhubung masalah agama, bukan saja di Mesir tetapi dari seluruh dunia.

Menurut Dr Mahathir, hanya dengan kekuatan ilmu umat Islam boleh memajukan diri dan membantu umat Islam lain yang teraniaya seperti di Bosnia-Herzegovina dan Kosovo.

Semalam, Dr Mahathir dianugerahkan doktor falsafah persuratan dari Universiti Al-Azhar kerana sumbangannya dalam memajukan Islam menerusi pandangan dan sikapnya berhubung perjuangan Islam. Anugerah itu adalah yang kedua pernah diberikan oleh universiti itu. Presiden Sukarno menerima anugerah itu, kira-kira 30 tahun lalu.

Petang ini, Dr Mahathir menemui pelajar Malaysia.

Beliau menjelaskan perkembangan terbaru di dalam negara termasuk masalah kegawatan ekonomi dan Lebu Raya Koridor Multi Media (MSC) supaya pelajar bersiap sedia menghadapi kemajuan teknologi maklumat.

Walaupun pelajar di Mesir mengikuti pengajian agama, mereka boleh menggunakan kemudahan itu untuk membetulkan pelbagai penyelewengan mengenai agama yang digunakan menerusi Internet hari ini.

Malam ini Dr Mahathir diraikan dalam satu majlis makan malam oleh Presiden Dewan Perniagaan Arab-Malaysia, Hassan El-Zein. Majlis itu turut dihadiri ahli perniagaan Malaysia.

(END)